

'Muhyiddin nak jadi PM demi tutup kes mahkamah'

Bekas pemimpin BERSATU dakwa presiden parti jadi beban kepada PN

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas pemimpin BERSATU, Wan Saiful Wan Jan menyifatkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah menjadi liabiliti kepada Perikatan Nasional (PN).

Mengulas perkara itu, Ahli Parlimen Tasek Gelugor berkenaan turut memberi contoh niat sebenar Muhyiddin untuk menjadi Perdana Menteri sekali lagi yang mencetus persoalan.

"Ada orang sudah mula bertanya, adakah beliau (Muhyiddin) ingin menjadi Perdana Menteri (sekali lagi) bagi menutup kesnya di mahkamah?"

"Adakah dia nak jadi calon Perdana Menteri bukan sebab rakyat tetapi untuk memastikan menan-



tu, cucu dan anaknya boleh balik semula ke Malaysia?"

"Persoalan ini dari segi politik, mencederakan mesej PN sebagai parti yang bersih dan stabil," katanya dalam program *The Zaid Ibrahim Podcast* yang disiarkan kelmarin.

Tidak dibawa dalam PAT

Menerusi podcast itu, Wan Saiful turut menegaskan akuan bersumpah (SD) membabitkan 120 ketua bahagian parti itu bukan bertujuan mendesak Muhyiddin berundur sebagai Presiden BERSATU.

Sebaliknya, Wan Saiful berka-

ta, dokumen itu bagi menggesa supaya usul menamakan Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri tidak dibawa dalam Perhimpunan Agung Tahunan (PAT).

Beliau turut menyifatkan dakwaan SD itu bertujuan mendesak Muhyiddin meletakkan jawatan adalah naratif daripada 'kem Datuk Seri Azmin Ali'.

"Lebih kurang dua minggu sebelum perhimpunan agung, timbul ura-ura bahawa ada satu usul nak dibawa untuk menamakan Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri.

"Kita tahu daripada awal PAS tak bersetuju dan kita tidak mahu hubungan dengan parti itu men-

jadi renggang.

"SD itu sebenarnya bukan mengenai tukar presiden, tetapi diambil kesempatan oleh kem sebelah Azmin untuk menyatakan bahawa ia adalah usaha menjatuhkan Muhyiddin. Malangnya, beliau pun percaya," katanya.

Wan Saiful berkata, apabila timbul pelbagai persoalan dibangkitkan berhubung niat Muhyiddin untuk dinamakan sebagai calon Perdana Menteri, perkara yang seharusnya dilakukan oleh beliau adalah melepaskan jawatan kepada Timbalan Presiden, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Bagaimanapun, Wan Saiful berkata, Hamzah turut dipanggil lembaga disiplin kerana kegagalan Timbalan Presiden BERSATU itu mengawal beliau.

Pada 14 Oktober lalu, BERSATU mengambil tindakan terhadap Wan Saiful dan Wan Ahmad Fayhsal kerana melanggar perlembagaan serta tatakelakuan parti.

Lembaga disiplin parti turut memecat empat ketua bahagian iaitu Azrudin Idris (Hang Tuah Jaya), Faizal Asmar (Pengerang), Fadhli Ismail (Ipoh Timur) dan Isa Saidi (Ampang).